



Solehak, Dinamik, Lakna

داسر وانيتا صلحة كلنتن

DASAR WANITA SOLEHAH KELANTAN

*Sesiapa yang mengerjakan amal soleh, baik lelaki mahupun perempuan
sedangkan dia beriman, maka Kami pasti menghidupkan dia dengan
kehidupan yang baik dan Kami membalas mereka dengan pahala yang lebih
baik dari apa yang telah mereka kerjakan*

Surah An-Nahl Ayat 97

Urus Setia Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita Kerajaan Negeri Kelantan



DASAR WANITA SOLEHAH KELANTAN

**URUS SETIA KEBAJIKAN,
PEMBANGUNAN KELUARGA DAN WANITA
KERAJAAN NEGERI KELANTAN**

ISBN: 978-967-17231-5-9
Cetakan Pertama: April 2023

Hakcipta Urus Setia Kebajikan,
Pembangunan Keluarga dan Wanita
Kerajaan Negeri Kelantan

©Hakcipta terpelihara, tiada mana-mana bahagian daripada buku ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar kepada apa-apa bentuk dengan sebarang cara sekalipun tanpa izin bertulis daripada penerbit.

Diterbitkan oleh:

**URUS SETIA KEBAJIKAN,
PEMBANGUNAN KELUARGA & WANITA
PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN
NEGERI KELANTAN**

ARAS 2, BLOK 2, KOMPLEKS KOTA DARULNAIM,
15503 KOTA BHARU, KELANTAN

Emel: ukekwa@kelantan.gov.my / ukekwa@gmail.com

Web: <https://ukekwa.kelantan.gov.my/>

**FB: Urus Setia Kebajikan,
Pembangunan Keluarga dan Wanita Negeri Kelantan (U-KeKWa)**

Tel: 09-7481957 / 013-9836915 Faks: 09-7444957



AMANAT

YAB USTAZ DATO' BENTARA KANAN MENTERI BESAR NEGERI KELANTAN

Assalamu 'alaikum warahmatullahi wabarakatuh

الحمد لله والصلاة والسلام على رسول الله وعلى آله وصحبه ومن والاه وبعد

Firman Allah SWT:

إِنَّ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ وَالْقَانِتِينَ
وَالْقَانِتَاتِ وَالصَّادِقِينَ وَالصَّادِقَاتِ وَالصَّابِرِينَ وَالصَّابِرَاتِ وَالْخَاشِعِينَ
وَالْخَاشِعَاتِ وَالْمُتَصَدِّقِينَ وَالْمُتَصَدِّقَاتِ وَالصَّامِينَ وَالصَّامَاتِ
وَالْحَافِظِينَ فُرُوجَهُمْ وَالْحَافِظَاتِ وَالذَّاكِرِينَ اللَّهَ كَثِيرًا
وَالذَّاكِرَاتِ أَعَدَّ اللَّهُ لَهُمْ مَغْفِرَةً وَأَجْرًا عَظِيمًا ﴿٣٥﴾

Maksudnya: “Sesungguhnya lelaki dan perempuan muslim, lelaki dan perempuan mukmin, lelaki dan perempuan yang tetap dalam ketaatannya, lelaki dan perempuan yang benar, lelaki dan perempuan yang sabar, lelaki dan perempuan yang khusyuk, lelaki dan perempuan yang bersedekah, lelaki dan perempuan yang berpuasa, lelaki dan perempuan yang menjaga kehormatannya, lelaki dan perempuan yang banyak menyebut (nama) Allah, Allah telah menyediakan untuk mereka keampunan dan pahala yang besar.” (Al-Ahzab 33: 35)

Segala puji dan puja bagi Allah SWT yang merupakan pemilik segala sesuatu, selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga dan para sahabat Baginda serta seluruh penyambung risalah Islam yang suci ini.

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya, Dasar Wanita Solehah Kelantan dapat digubal dengan

jayanya. Dasar Wanita Solehah Kelantan menzahirkan penghargaan dan pengiktirafan Kerajaan Negeri kepada kaum wanita Kelantan. Sesungguhnya, peranan kaum wanita adalah amat penting dalam pelbagai bidang.

Pada zaman Rasulullah SAW, wanita turut berperanan dalam menegakkan perjuangan Islam. Mereka memberi bantuan dan kerjasama padu dalam apa juga keadaan. Demikianlah hebatnya keperibadian wanita Muslimah zaman silam yang sewajarnya menjadi teladan wanita hari ini. Sumbangan yang diberikan mereka tidak ternilai di sisi Allah dan dicatatkan dalam sejarah supaya generasi hari ini menjadikannya sebagai inspirasi untuk melangkah dengan penuh yakin dalam arus dunia kontemporari yang serba mencabar.

Syabas dan tahniah sekali lagi kepada Urus Setia Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita Kerajaan Negeri Kelantan dan Ahli Jawatankuasa serta semua pihak yang terlibat secara dan tidak langsung sehingga berjaya menggubal dasar yang cukup penting ini. Mudah-mudahan segala usaha ini dicatat sebagai amalan soleh sisi Allah.


Sekian, *Wassalam*.

**“ALLAH DITAATI, RAJA DISANJUNGI,
RAKYAT DIKASIHI”**

**“MEMBANGUN BERSAMA ISLAM - KELANTAN
MENERAJUI PERUBAHAN”**

“KEBERKATAN - KEMAKMURAN - KEBAJIKAN”

Dengan hormatnya,



DATO' BENTARA KANAN
USTAZ DATO' HAJI AHMAD BIN YAKOB
S.J.M.K, D.J.M.K, (Kelantan)
Menteri Besar Kelantan



KATA ALU-ALUAN

EXCO KEBAJIKAN, PEMBANGUNAN KELUARGA DAN WANITA NEGERI KELANTAN

وَيَسْتَفْتُونَكَ فِي النِّسَاءِ ۚ قُلِ اللَّهُ يُفْتِيكُمْ فِيهِنَّ وَمَا يُتْلَىٰ عَلَيْكُمْ
فِي الْكِتَابِ ...

Maksudnya: “Dan mereka meminta fatwa kepadamu (wahai Muhammad), mengenai (hak dan kewajipan) kaum perempuan. Katakanlah olehmu: Allah akan memberi keterangan (fatwa) kepada kamu mengenai mereka dan juga (ada difatwakan dalam) apa yang selalu dibacakan kepada kamu dalam Kitab (Al-Quran)” (Surah An-Nisa’ 4: 127)

Segala puji bagi Allah SWT, pentadbir sekalian alam, selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, para isteri, anak perempuan, ahli keluarga Baginda, para sahabat dan sahabiyyah maka dapatlah buku **Dasar Wanita Solehah Kelantan** diterbitkan.

Ketakwaan, martabat dan kemuliaan wanita di dalam Al-Quran dan hadis adalah setara dengan kaum lelaki. Dalam beberapa keadaan, mereka diberi keutamaan untuk dilindungi dan diberikan penghormatan yang tertinggi. Mereka memiliki hak yang perlu ditunaikan oleh pihak yang bertanggungjawab sekaligus mereka juga perlu melunaskan tanggungjawab mereka ke atas orang lain.

Buku ini adalah garis panduan utama dalam membentuk pelan jangka panjang pentadbiran dan pembangunan kerjaya dan kehidupan wanita di Kelantan, dunia dan akhirat. Ia perlu digarap seiring dengan kepelbagaian peranan dan perubahan umur sebagai gadis, ibu, isteri, pekerja wanita, yang kemudiannya akan diikuti dengan hak dan tanggungjawab yang digalas tanpa mengira ras dan agama. Dasar Wanita Kelantan pertama yang digubal pada tahun 2000 ini telah pun selesai disemak oleh pelbagai pihak dan Alhamdulillah segala perancangannya telah pun dilaksanakan.

Sejarah dan kisah penglibatan dan keaktifan luar biasa wanita Kelantan di abad ke 19 telah terkenal sehingga ke peringkat antarabangsa sehingga dicatat sejarah mereka di dalam arkib universiti di Eropah. Pendokumentasian ini sekaligus memberikan pengiktirafan kepada Kelantan juga dikenali sebagai sebuah negeri terawal di Malaysia malah di dunia yang ‘mesra wanita’.

Justeru, dasar ini adalah bukti hidup manifestasi Kerajaan Kelantan yang ditadbir dengan Dasar Membangun Bersama Islam melahirkan wanita Kelantan yang Santun, Solehah, Dinamik dan Cakna. Doa saya agar menerusi dasar ini, para wanita bakal menjadi suri teladan dalam masyarakat kendatipun status dan peranan mereka.

Satu pelan tindakan strategik sedang dibentuk melalui Gagasan Wanita Solehah 2030 sebagai hala tuju komprehensif lagi kompetitif dalam kalangan wanita. Semoga dasar semakan ini memberikan aura positif dalam membangunkan dan memperkasakan wanita Kelantan sejajar dengan aspirasi Kerajaan Negeri, Negara dan Antarabangsa. ‘Kelantan Cakna Wanita’.

Sekian, wassalam.

**“ALLAH DITAATI, RAJA DISANJUNGI,
RAKYAT DIKASIHI”**

**“MEMBANGUN BERSAMA ISLAM - KELANTAN
MENERAJUI PERUBAHAN”**

“KEBERKATAN - KEMAKMURAN - KEBAJIKAN”

Dengan hormatnya,



DATO' HAJAH MUMTAZ MD NAWI

D.J.M.K., J.M.K., (Kelantan)

EXCO,

Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita
Kerajaan Negeri Kelantan

PRAWACANA



PENGARAH URUS SETIA KEBAJIKAN, PEMBANGUNAN KELUARGA & WANITA KERAJAAN NEGERI KELANTAN

وَاِذْ قَالَتِ الْمَلٰٓئِكَةُ يٰمَرْيَمُ اِنَّ اللّٰهَ اصْطَفٰكِ وَطَهَّرَكِ وَاصْطَفٰكِ عَلٰٓى
نِسَاءِ الْعٰلَمِيْنَ ﴿٤٢﴾

Maksudnya: *Dan (ingatlah wahai Muhammad) ketika malaikat berkata: "Wahai Maryam! Sesungguhnya Allah telah memilihmu, dan mensucikanmu, dan telah memilihmu (beroleh kemuliaan) melebihi perempuan-perempuan seluruh alam (yang sezaman denganmu). (A-li 'Imraan: 42)*

Alhamdulillah, segala pujian hanya untuk Allah SWT, pencipta dan pemilik alam semesta. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga, para sahabat dan mereka yang mengikut jejak langkah Baginda hingga hari kesudahan.

Setinggi penghormatan kepada Menteri Besar Kelantan, YAB Dato' Bentara Kanan Ustaz Dato' Ahmad Yakob dan EXCO Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita, YB Dato Hajah Mumtaz Md Nawi atas sokongan dan dokongan yang padu dalam menjayakan penggubalan Dasar Wanita Solehah Kelantan ini. Saya sangat berterima kasih kepada Kerajaan Kelantan atas komitmen tidak berbelah bagi dalam memberikan perhatian khusus kepada pembangunan wanita negeri Kelantan agar dapat menyumbang bakti kepada agama, bangsa dan negara.

Dasar Wanita Solehah Kelantan ini adalah semakan kepada Dasar Wanita yang digubal pada tahun 2001 dengan mengambil kira isu, peluang, cabaran dan persekitaran semasa. Dasar ini mendokong 14 hak dan tanggungjawab wanita dan turut dilengkapi dengan Gagasan

Wanita Solehah Kelantan (GWSK) bagi memperincikan tindakan yang perlu diambil semua pihak termasuk masyarakat sivil. Sekalung penghargaan juga diucapkan kepada semua jabatan, agensi serta ahli jawatankuasa dalam sumbangsih dan pengorbanan yang tidak berbelah bagi memastikan dasar ini disiapkan dengan jayanya.

Akhir kata, semoga usaha murni ini mencapai objektif yang diharapkan dalam melahirkan masyarakat yang sejahtera di dunia dan akhirat.

Siiru Ala Barakatillah


Sekian, wassalam

**“ALLAH DITAATI, RAJA DISANJUNGI,
RAKYAT DIKASIHI”**

**“MEMBANGUN BERSAMA ISLAM - KELANTAN
MENERAJUI PERUBAHAN”**

“KEBERKATAN - KEMAKMURAN - KEBAJIKAN”

Dengan hormatnya,



ILVIRA BINTI MOHD DASUKI

Pengarah

Urus Setia Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita
Negeri Kelantan

DASAR WANITA SOLEHAH KELANTAN

KANDUNGAN

BAHAGIAN PERTAMA: PENDAHULUAN

1. PENGENALAN	1
2. PERNYATAAN DASAR	2
3. TEMA	2
4. VISI	2
5. MISI	2
6. MATLAMAT	3

BAHAGIAN KEDUA: PRINSIP UTAMA

7. MARTABAT DAN HAK	4
8. PERANAN DAN SUMBANGAN	8

BAHAGIAN KETIGA: HAK DAN TANGGUNGJAWAB

9. WANITA DAN AGAMA	13
10. WANITA DAN KELUARGA	14
11. WANITA DAN KELANGSUNGAN HIDUP	15
12. WANITA DAN KESIHATAN	15
13. WANITA DAN UNDANG-UNDANG	16
14. WANITA DAN SISTEM JAMINAN SOSIAL	16
15. WANITA DAN PENDIDIKAN	17
16. WANITA DAN KEPIMPINAN	17
17. WANITA, MASYARAKAT DAN UMMAH	18

18.	WANITA, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM	19
19.	WANITA DAN POTENSI DIRI	19
20.	WANITA, KOMUNIKASI DAN TEKNOLOGI SEMASA	20
21.	WANITA DAN PEMILIKAN ASET	20
22.	WANITA, EKONOMI DAN PEKERJAAN	21
 BAHAGIAN KEEMPAT: PENGLIBATAN WANITA DALAM MASYARAKAT		
23.	GARIS PANDUAN PENGLIBATAN WANITA DALAM MASYARAKAT	22
 BAHAGIAN KELIMA: HAL-HAL LAIN		
24.	PELAKSANAAN	24
25.	PINDAAN	25
26.	PENUTUP	25
GLOSARI		26
PEMETAAN DASAR WANITA SOLEHAH KELANTAN		30
KRONOLOGI		33



DASAR WANITA SOLEHAH KELANTAN

BAHAGIAN PERTAMA: PENDAHULUAN

1. PENGENALAN

- 1.1 Dasar Wanita Solehah Kelantan (DWSK) ini digubal untuk menjadi panduan dan rujukan bagi menentukan neraca, nilai, hala tuju dan objektif strategik, perancangan dan program yang dianjurkan di Negeri Kelantan dalam menjaga kepentingan dan pembangunan wanita, selaras dengan dasar kerajaan negeri, iaitu “Membangun Bersama Islam” (MBI).
- 1.2 Wanita adalah sebahagian daripada masyarakat dan merupakan anggota penting yang menentukan jatuh bangunnya sesebuah negara. Menyedari betapa pentingnya peranan wanita dalam keluarga, masyarakat, ekonomi, sosial serta politik, satu perancangan dan strategi khusus perlu dibangunkan dan sentiasa ditambah baik bagi memastikan penglibatan wanita dalam proses pembangunan negeri dapat dijana secara optimum dan sistematik.
- 1.3 DWSK hendaklah dibaca bersama dengan dasar-dasar lain Kerajaan Negeri Kelantan yang berkaitan di bawah Dasar Membangun Bersama Islam yang berteraskan konsep *‘Ubudiyyah, Mas’uliyah dan Itqan* (UMI), Perlembagaan Persekutuan, Dasar Wanita Negara serta mana-mana dasar berkaitan sosial, keluarga dan wanita di peringkat kebangsaan.

1.4 DWSK juga dirangka dengan mengambil kira ratifikasi dan reservasi oleh Kerajaan Malaysia terhadap prinsip dan pendekatan Konvensyen Berkaitan Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW) dan sebarang instrumen perundangan antarabangsa selama mana tidak bercanggah dengan Islam.

2. PERNYATAAN DASAR

Dasar Wanita Solehah Kelantan (DWSK) memartabatkan golongan wanita dengan membangun, memupuk dan mengembangkan seluruh potensi sesuai dengan fitrahnya untuk kemajuan dan kesejahteraan masyarakat Kelantan berlandaskan prinsip Islam dan kepercayaan kepada Allah SWT. DWSK bertujuan melahirkan wanita yang solehah, dinamik dan cakna bagi membangunkan negeri dan ummah yang cemerlang serta diredai-Nya.

3. TEMA

Solehah, Dinamik, Cakna.

4. VISI

Wanita Kelantan Pendukung Pembangunan Ummah.

5. MISI

Membangun potensi wanita menurut fitrahnya secara optimum serta melindungi hak secara benar dan saksama untuk wanita menunaikan tanggungjawab ke arah membina masyarakat sejahtera dan negeri yang diredai Allah.

6. MATLAMAT

Berpegang kepada cita-cita dan aspirasi Islam yang unggul dalam memartabatkan, membangunkan dan memperkasakan wanita di negeri Kelantan, maka dasar ini menggariskan matlamat seperti yang berikut:

- 6.1 Mempertahankan kemaslahatan dan membina kemuliaan wanita melalui pengukuhan akidah, syariat dan akhlak yang terpuji.
- 6.2 Meneguhkan peranan wanita sebagai pemangkin kepada sistem kekeluargaan supaya keluarga dibina dan diurus berdasarkan cara hidup Islam atau cara hidup yang berdasarkan ketuhanan, nilai dan kepercayaan kaum serta moral sejagat.
- 6.3 Memperkasakan wanita sebagai potensi sumber manusia untuk pembangunan masyarakat.
- 6.4 Mengiktiraf dan menggalakkan penglibatan wanita dalam proses pembangunan negeri dengan mengintegrasikan tenaga mereka serta meningkatkan kemajuan pekerjaan dalam sektor perkhidmatan awam dan swasta secara adil bersesuaian dengan syarak.
- 6.5 Memberi komitmen untuk meningkatkan suara wanita dalam masyarakat bagi memenuhi keperluan mereka dengan mengenal pasti dan menyelesaikan masalah, isu dan keperluan wanita untuk mencapai masyarakat yang adil, demokratik dan harmoni.

BAHAGIAN KEDUA: PRINSIP UTAMA

Islam mengiktiraf kedudukan, hak, peranan dan sumbangan wanita bersesuaian dengan fitrahnya dan melengkapi peranan lelaki berdasarkan dalil-dalil dan hujah yang berikut;

7. Martabat dan Hak

- 7.1 Wanita dan lelaki adalah sama dari segi unsur penciptaan.

Wahai sekalian manusia! Bertakwalah kepada Tuhan kamu yang telah menjadikan kamu (bermula) dari diri yang satu (Adam), dan yang menjadikan daripada (Adam) itu pasangannya (isterinya - Hawa), dan juga yang membiakkan dari kedua-duanya - zuriat keturunan - lelaki dan perempuan yang ramai. Dan bertakwalah kepada Allah yang kamu selalu meminta dengan menyebut nama-Nya, serta peliharalah hubungan (silaturahim) kaum kerabat; kerana sesungguhnya Allah sentiasa memerhati (mengawas) kamu. (An-Nisa' 4: 1)

- 7.2 Wanita dan lelaki berbeza dari segi fitrah.

Maka ketika melahirkannya, dia berkata, "Ya Tuhanku, aku telah melahirkan anak perempuan." Padahal Allah lebih tahu apa yang dia lahirkan dan lelaki tidak sama dengan perempuan. "Dan aku memberinya nama Maryam, dan aku mohon perlindungan-Mu untuknya dan anak cucunya dari (gangguan) syaitan yang terkutuk." (Ali Imran 3: 36)

- 7.3 Wanita dan lelaki sama-sama bertanggung-jawab sebagai khalifah.

Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman kepada malaikat, “Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di bumi”. (Al-Baqarah 2: 30)

- 7.4 Wanita dan lelaki adalah sama dalam pengabdian kepada Allah SWT.

Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka mengabdikan diri kepada-Ku. (Az-Zariyat 51: 56)

- 7.5 Islam memuliakan dan memberi penghormatan kepada wanita.

Dan sesungguhnya Kami telah memuliakan anak-anak Adam; dan Kami telah beri mereka menggunakan berbagai kenderaan di darat dan di laut; dan Kami telah memberikan rezeki kepada mereka dari benda-benda yang baik serta Kami telah lebihkan mereka dengan kelebihan yang sempurna atas kebanyakan makhluk yang telah Kami ciptakan. (Al-Isra’ 17:70)

- 7.6 Wanita mempunyai kedudukan mulia sebagai ibu.

Abu Hurayrah r.a. melaporkan, “Seseorang datang kepada Rasulullah S.A.W. seraya berkata, ‘Wahai Rasulullah, siapakah insan yang paling berhak untuk aku berbakti?’ Nabi S.A.W. menjawab, ‘Ibumu!’ Orang tersebut (kembali) bertanya, ‘Kemudian siapa?’ Nabi S.A.W. menjawab, ‘Ibumu!’ Orang tersebut bertanya (lagi), ‘Kemudian siapa pula?’ Beliau menjawab, ‘Ibumu.’ Orang tersebut bertanya (kembali), ‘Kemudian siapa lagi,’ Nabi S.A.W menjawab, ‘Kemudian ayahmu.’” (Hadith diriwayatkan oleh al-Bukhari no. 5971 dan Muslim no. 2548)

- 7.7 Wanita berhak memiliki akidah yang benar.

Dan Allah mengemukakan satu perumpamaan kepada orang-orang mukmin, yaitu perihal isteri Firaun, ketika ia berkata, “Wahai Tuhanku! Binalah untukku sebuah rumah di sisi-Mu dalam syurga, dan selamatkanlah daku dari Firaun dan perbuatannya (yang kufur dan buas), serta selamatkanlah daku daripada kaum yang zalim.” (Al-Tahrim 66: 12)

- 7.8 Wanita berhak dan bertanggungjawab menjaga aurat, maruah dan berpakaian sopan.

Dan katakanlah kepada perempuan-perempuan yang beriman supaya menyekat pandangan mereka (daripada memandang yang haram) dan memelihara kehormatan mereka; dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka kecuali yang zahir daripadanya; dan hendaklah mereka menutup belahan leher bajunya dengan tudung mereka; dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka melainkan kepada suami mereka, atau bapa mereka atau bapa mertua mereka atau anak-anak mereka, atau anak-anak tiri mereka, atau saudara-saudara mereka, atau anak bagi saudara-saudara mereka yang lelaki, atau anak bagi saudara-saudara mereka yang perempuan atau perempuan-perempuan Islam, atau hamba-hamba mereka, atau orang gaji daripada orang-orang lelaki yang telah tua dan tidak berkeinginan kepada perempuan, atau kanak-kanak yang belum mengerti lagi tentang aurat perempuan; dan janganlah mereka menghentakkan kaki untuk diketahui orang akan apa yang tersembunyi daripada perhiasan mereka; dan bertaubatlah kamu sekalian kepada Allah, wahai orang-orang yang beriman, supaya kamu berjaya. (An-Nur 24: 31)

- 7.9 Wanita dan lelaki mendapat balasan baik yang sama apabila mereka beramal soleh.

Sesiapa yang mengerjakan amal soleh, baik lelaki mahupun perempuan sedangkan dia beriman, maka Kami pasti menghidupkan dia dengan kehidupan yang baik dan Kami membalas mereka dengan pahala yang lebih baik dari apa yang telah mereka kerjakan.” (An-Nahl 16: 97)

- 7.10 Wanita boleh menerima tanggungjawab dan boleh dipertanggungjawabkan atas setiap tindakannya.

Maka sesiapa berbuat kebajikan seberat zarah, nescaya akan dilihatnya (dalam catatan amalnya). Dan sesiapa berbuat kejahatan seberat zarah, nescaya akan dilihatnya (dalam catatan amalnya). (Al-Zalzalah 99: 7, 8)

- 7.11 Wanita berhak membuat pilihannya sendiri.

Abu Hurayrah r.a. melaporkan bahawa Nabi S.A.W. berkata: “Seorang armalah (janda) tidak boleh dinikahkan sehingga diminta perintahnya, seorang gadis tidak harus dinikahkan sehingga diminta izinnya. Mereka bertanya, “Wahai Rasulullah, bagaimana izinnya?” Beliau menjawab, “Apabila dia diam.” (Hadith diriwayatkan oleh al-Bukhari no 5136)

- 7.12 Wanita mempunyai hak kebebasan bersuara.

Sesungguhnya Allah telah mendengar (dan memperkenan) aduan perempuan yang bersoal jawab denganmu (wahai Muhammad) mengenai suaminya, sambil ia berdoa merayu kepada Allah (mengenai perkara yang menyusahkannya), sedang Allah sedia mendengar perbincangan kamu berdua. Sesungguhnya Allah Maha Mendengar, lagi Maha Melihat. (Al-Mujadalah 58: 1)

- 7.13 Wanita berhak dijaga, dilindungi dan dinaungi oleh wali.

Kaum lelaki itu adalah pemimpin dan pelindung yang bertanggungjawab terhadap kaum perempuan, oleh kerana

Allah telah melebihkan golongan lelaki (dengan beberapa keistimewaan) ke atas golongan perempuan, dan juga kerana kaum lelaki telah membelanjakan (memberi nafkah) sebahagian dari harta mereka. Maka wanita-wanita solehah itu ialah yang taat (kepada Allah dan suaminya), dan yang memelihara (kehormatan dirinya dan apa jua yang wajib dipelihara) ketika suami tidak hadir bersama, dengan pemeliharaan Allah dan pertolongan-Nya. (An-Nisa' 4: 34)

- 7.14 Wanita berhak memiliki harta, melibatkan diri dalam bidang ekonomi dan mendapat ganjaran setimpal dengan usahanya.

Dan janganlah kamu terlalu mengharapkan (ingin mendapat) limpah kurnia yang Allah telah berikan kepada sebahagian dari kamu (untuk menjadikan mereka) melebihi sebahagian yang lain (tentang harta benda, ilmu pengetahuan atau pangkat kebesaran). (Kerana telah tetap) lelaki-lelaki ada bahagian dari apa yang mereka usahakan, dan wanita-wanita pula ada bahagian dari apa yang mereka usahakan; (maka berusahalah kamu) dan pohonkanlah kepada Allah akan limpah kurnia-Nya. Sesungguhnya Allah sentiasa Mengetahui akan tiap-tiap sesuatu. (An-Nisa' 4: 32)

8. Peranan dan Sumbangan

- 8.1 Wanita berkewajipan melaksanakan tuntutan agama.

“Sesungguhnya lelaki-lelaki Islam serta wanita-wanita Islam, lelaki-lelaki yang beriman serta wanita-wanita yang beriman, lelaki-lelaki yang taat serta wanita-wanita yang taat, lelaki-lelaki yang benar serta wanita-wanita yang benar, lelaki-lelaki yang sabar serta wanita-wanita yang sabar, lelaki-lelaki yang merendah diri (kepada Allah) serta wanita-wanita yang merendah diri (kepada Allah), lelaki-lelaki yang bersedekah serta wanita-wanita yang bersedekah, lelaki-lelaki yang beriman serta wanita-

wanita yang berpuasa, lelaki-lelaki yang memelihara kehormatannya serta wanita-wanita yang memelihara kehormatannya dan lelaki-lelaki yang banyak menyebut nama Allah serta wanita-wanita yang banyak menyebut nama Allah, Allah telah menyediakan bagi mereka keampunan dan pahala yang besar.” (Al-Ahzab 33:35)

- 8.2 Wanita adalah pasangan fitrah kepada lelaki yang saling menenangkan, bermesra, berkasih sayang dan berbelas kasihan dalam membina keluarga.

Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaannya dan rahmat-Nya, bahawa Dia menciptakan untuk kamu (wahai kaum lelaki), isteri-isteri dari jenis kamu sendiri, supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya, dan dijadikan-Nya di antara kamu (suami isteri) perasaan kasih sayang dan belas kasihan. Sesungguhnya yang demikian itu mengandung keterangan-keterangan (yang menimbulkan kesedaran) bagi orang-orang yang berfikir. (Ar-Rum 30: 21)

- 8.3 Wanita adalah ibu yang melahirkan zuriat sebagai penerus keturunan.

Dan Kami wajibkan manusia berbuat baik kepada kedua-dua ibu bapanya; ibunya telah mengandungnya dengan menanggung. Kelemahan demi kelemahan (dari awal mengandung hingga akhir menyusunya), dan tempoh menceraikan susunya ialah dalam masa dua tahun; (dengan yang demikian) bersyukurlah kepada-Ku dan kepada kedua-dua ibubapamu; dan (ingatlah), kepada Akulah jua tempat kembali (untuk menerima balasan). (Luqman 31: 14)

- 8.4 Wanita perlu mempunyai wawasan dalam membentuk diri, keluarga, masyarakat dan ummah.

(Ingatlah) ketika isteri Imran berkata, “Tuhanku! Sesungguhnya aku nazarkan kepada-Mu anak yang ada

dalam kandunganku sebagai seorang yang bebas (dari segala urusan dunia untuk berkhidmat kepada-Mu semata-mata), maka terimalah nazarku; sesungguhnya Engkaulah Yang Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui.” (Ali ‘Imran 3: 35)

- 8.5 Wanita perlu terlibat dalam organisasi dan kepimpinan berteraskan konsep syura.

Raja perempuan itu berkata: “Wahai para pembesar! Berilah pertimbangan dalam perkaraku (ini); aku tidak pernah memutuskan sesuatu perkara sebelum kamu hadir memberi pendapat dan mempersetujuinya.” Mereka menjawab: “Kita memiliki kekuatan dan keberanian yang luar biasa (untuk berperang) tetapi keputusan berada di tanganmu; maka pertimbangkanlah apa yang akan engkau perintahkan.” (An-Naml 27: 32, 33)

- 8.6 Wanita bertanggungjawab untuk mengajak masyarakat kepada perkara makruf dan mencegah kemungkaran.

“Dan hendaklah ada di antara kamu segolongan orang yang menyeru kepada kebajikan, menyuruh (berbuat) yang makruf dan mencegah yang mungkar. Dan mereka itulah orang-orang yang beruntung.” (Ali ‘Imran 3: 104)

- 8.7 Wanita bertanggungjawab melibatkan diri dalam politik untuk memelihara kepentingan ummah.

Dan orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan, setengahnya menjadi penolong bagi setengahnya yang lain; mereka menyuruh berbuat kebaikan, dan melarang daripada berbuat kejahatan; dan mereka mendirikan sembahyang dan memberi zakat, serta taat kepada Allah dan Rasul-Nya. Mereka itu akan diberi rahmat oleh Allah; sesungguhnya Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana. (At-Taubah 9: 71)

- 8.8 Wanita berperanan untuk mengembangkan ilmu pengetahuan dalam pelbagai bidang.

Dan ingatlah (serta amalkanlah) apa yang dibaca di rumah kamu dari ayat-ayat Allah (Al-Quran) dan hikmah pengetahuan. Sesungguhnya Allah Maha Halus tadbir-Nya, lagi Maha Mendalam pengetahuan-Nya. (Al-Ahzab 33: 34)

- 8.9 Wanita berperanan dalam pelbagai bidang kehidupan, ekonomi dan produktiviti masyarakat.

Bukanlah perkara kebajikan itu hanya kamu menghadapkan muka ke pihak timur dan barat, tetapi kebajikan itu ialah berimannya seseorang kepada Allah, dan hari akhirat, dan segala malaikat, dan segala Kitab, dan sekalian Nabi; dan mendermanya seseorang akan hartanya sedang ia menyayangnya, - kepada kaum kerabat, dan anak-anak yatim dan orang-orang miskin dan orang yang terlanjur dalam perjalanan, dan kepada orang-orang yang meminta, dan untuk memerdekakan hamba-hamba abdi; dan mengerjanya seseorang akan sembahyang serta mengeluarkan zakat; dan perbuatan orang-orang yang menyempurnakan janjinya apabila mereka membuat perjanjian; dan ketabahan orang-orang yang sabar dalam masa kesempitan, dan dalam masa kesakitan, dan juga dalam masa bertempur dalam perjuangan perang Sabil. Orang-orang yang demikian sifatnya), mereka itulah orang-orang yang benar (beriman dan mengerjakan kebajikan); dan mereka itulah juga orang-orang yang bertaqwa. (Al-Baqarah 2: 177)

- 8.10 Dalam keadaan yang memerlukan, wanita perlu mencari nafkah selaras dengan hukum syarak.

Dan ketika beliau (Nabi Musa) sampai di telaga air negeri Madyan, beliau dapati di situ sekumpulan orang-orang lelaki sedang memberi minum (binatang ternak masing-masing) dan beliau juga dapati di sebelah mereka dua

perempuan yang sedang menahan kambing-kambingnya. Beliau bertanya: “Apa yang kalian berdua sedang lakukan?” Mereka menjawab: “Kami tidak memberi minum (kambing-kambing kami) sehingga pengembala-pengembala itu membawa balik binatang ternak masing-masing; dan bapa kami sudah tua.” (Al-Qasas 28: 23)

BAHAGIAN KETIGA: HAK DAN TANGGUNGJAWAB

Wanita mempunyai hak dan tanggungjawab yang perlu dipenuhi. Wali, ahli keluarga, pihak berkuasa dan anggota masyarakat bertanggungjawab memastikan wanita dapat memperolehi hak dan berupaya memenuhi tanggungjawab tanpa sebarang halangan atau tekanan. Pelaksanaan hak dan tanggungjawab yang terkandung dalam dasar ini mestilah selari dengan hukum syarak, undang-undang dan fitrah wanita.

9. WANITA DAN AGAMA

- 9.1 Setiap wanita Islam hendaklah berpegang dengan akidah Ahli Sunnah wal Jamaah.
- 9.2 Wanita berhak dan bertanggungjawab menyempurnakan tuntutan agama dan menjalani kehidupan beragama.
- 9.3 Wanita berhak dan bertanggungjawab untuk mempelajari ilmu fardu ain dan fardu kifayah.
- 9.4 Wanita berhak dan bertanggungjawab menjaga aurat dan maruahnya.
- 9.5 Wanita berhak dan bertanggungjawab menganut, mengamal dan menyebarkan agama tertakluk kepada perundangan Malaysia.
- 9.6 Wanita berhak dan bertanggungjawab melibatkan diri dalam pentadbiran, pengurusan dan kegiatan di surau, masjid dan institusi agama.
- 9.7 Wanita berhak mendapat kemudahan yang mesra wanita daripada institusi agama, masjid dan surau.

10. WANITA DAN KELUARGA

- 10.1 Wanita wajib melengkapi diri dengan ilmu kekeluargaan dan pengurusan rumah tangga.
- 10.2 Wanita berhak dan bertanggungjawab untuk memilih sama ada ingin atau tidak berkahwin.
- 10.3 Wanita berhak dan bertanggungjawab untuk memilih bakal suami serta berkahwin menurut hukum syarak dan undang-undang.
- 10.4 Pihak kerajaan perlu memastikan pemeriksaan kesihatan dilakukan terhadap pasangan yang bakal berkahwin.
- 10.5 Wanita berhak menentukan dan menerima mas kahwin serta nafkah.
- 10.6 Wanita wajib menunaikan hak dan mengurus harta suami dan ahli keluarga serta berhak menuntut haknya.
- 10.7 Wanita bertanggungjawab memberi dan menerima didikan adab, akhlak dan moral yang baik secara berterusan sehingga menjadi tabiat dan terbentuknya biah solehah dalam keluarga.
- 10.8 Wanita berhak dan bertanggungjawab membentuk keluarga bahagia berasaskan agama.
- 10.9 Ibu berhak untuk menyusukan dan mempunyai pilihan untuk tidak menyusukan dengan menggantikan alternatif terbaik, tertakluk kepada persetujuan bersama.
- 10.10 Ibu yang mengandung dan menyusukan anak berhad untuk dijaga kesihatan dan kebajikan mereka.
- 10.11 Pihak majikan hendaklah memberi ruang dan waktu bekerja secara fleksibel bagi wanita yang mengandung dan menyusukan anak.

11. WANITA DAN KELANGSUNGAN HIDUP

- 11.1 Setiap wanita berhak untuk hidup dalam persekitaran yang sejahtera bermula dari janin sehingga mati.
- 11.2 Setiap wanita mempunyai hak untuk hidup dan meningkatkan taraf kehidupan sesuai dengan fitrahnya.
- 11.3 Wanita bertanggungjawab untuk mengelakkan diri daripada melakukan apa-apa perbuatan yang boleh mencederakan dan mengancam nyawa.
- 11.4 Setiap wanita berhak dan bertanggungjawab membebaskan diri dari segala bentuk pengabaian, diskriminasi dan perhambaan.

12. WANITA DAN KESIHATAN

- 12.1 Wanita berhak menikmati hidup secara sihat dan afiat yang boleh dicapai secara optimum.
- 12.2 Wanita berhak mendapat pendidikan kesihatan yang komprehensif dan menyeluruh.
- 12.3 Wanita bertanggungjawab menjaga kebersihan dan kesihatan diri merangkumi kesihatan fizikal, mental, rohani, emosi dan sosial.
- 12.4 Wanita bertanggungjawab mengambil langkah-langkah pencegahan, melakukan pemeriksaan berkala dan mendapatkan rawatan apabila perlu.
- 12.5 Wanita perlu diberi akses kepada perkhidmatan kesihatan yang berkualiti dari semua aspek yang diperlukan.
- 12.6 Wanita berhak mendapat maklumat mengenai tahap kesihatan mereka dan membuat keputusan yang berkaitan.
- 12.7 Wanita perlu diberi pilihan mendapatkan perkhidmatan kesihatan yang mesra wanita.

13. WANITA DAN UNDANG-UNDANG

- 13.1 Wanita berhak dilindungi sepenuhnya oleh undang-undang.
- 13.2 Wanita hendaklah mengetahui dan melaksanakan hak serta tanggungjawabnya menurut hukum syarak dan undang-undang dalam kehidupan harian.
- 13.3 Wanita perlu memahami kaedah dan proses untuk melaksanakan hak dan tanggungjawab menggunakan saluran yang betul.
- 13.4 Pihak berkuasa bertanggungjawab mengambil langkah-langkah untuk mendidik dan mencegah wanita daripada terlibat dengan kesalahan jenayah.
- 13.5 Wanita diberi hak untuk bebas bergerak di dalam atau luar negara dan bermastautin di mana-mana.
- 13.6 Wanita perlu dilindungi daripada sebarang ancaman, gangguan, keganasan, kecederaan, penderaan, pengabaian, perlakuan cuai dan penganiayaan fizikal dan mental, eksploitasi ekonomi, seks dan media, penyalahgunaan dadah dan terrorisme.
- 13.7 Wanita berhak mendapat akses kepada khidmat perundangan dan keadilan yang mesra wanita.
- 13.8 Wali dan pihak berkuasa hendaklah memberikan perlindungan dan bantuan kepada wanita yang berkonflik dengan undang-undang.

14. WANITA DAN SISTEM JAMINAN SOSIAL

- 14.1 Wanita merupakan sebahagian daripada sistem jaminan sosial sama ada sebagai penerima atau pemberi.
- 14.2 Sistem jaminan sosial hendaklah mengambil kira fitrah wanita.

- 14.3 Wanita wajib dilindungi oleh sistem perwalian, mahram dan kekeluargaan bagi memastikan kemaslahatan dan keperluan hidup mereka terpelihara dalam lingkungan sosial keluarga, masyarakat dan negeri.

15. WANITA DAN PENDIDIKAN

- 15.1 Wanita bertanggungjawab menjadikan al-Quran dan as-Sunnah sebagai sumber ilmu dan sumber rujukan untuk pendidikan.
- 15.2 Wanita berhak dan bertanggungjawab menimba segala jenis ilmu pengetahuan, secara teori dan amali sesuai dengan keperluannya.
- 15.3 Wanita berhak untuk belajar ke tahap optimum mengikut kemampuannya.
- 15.4 Wanita berhak dan bertanggungjawab mendapat peluang pendidikan sesuai dengan fitrah dan nilai seorang wanita bagi membangunkan potensi diri.
- 15.5 Kerajaan bertanggungjawab menyediakan sistem, prasarana, pendekatan dan suasana pendidikan yang sesuai dengan fitrah wanita.
- 15.6 Wanita berhak dan bertanggungjawab mendapatkan pendedahan mengenai pelbagai perkembangan ilmu dan kemahiran berkaitan *STEM*.

16. WANITA DAN KEPIMPINAN

- 16.1 Wanita berhak dan bertanggungjawab mempunyai ilmu dan kemahiran kepimpinan di pelbagai peringkat.
- 16.2 Semua pihak hendaklah memberikan peluang, galakan, sokongan, latihan dan bimbingan untuk melahirkan wanita sebagai pemimpin yang baik.

- 16.3 Semua pihak hendaklah memastikan penglibatan wanita dalam kepimpinan yang seimbang di semua peringkat.
- 16.4 Semua pihak hendaklah melibatkan wanita dalam membuat dan melaksanakan dasar dan keputusan.
- 16.5 Semua pihak bertanggungjawab membina generasi pelapis bagi kepimpinan wanita disemua peringkat.

17. WANITA, MASYARAKAT DAN UMMAH

- 17.1 Wanita bertanggungjawab untuk membangunkan visi dan misi ummah.
- 17.2 Wanita berhak dan bertanggungjawab untuk mendapatkan maklumat dan pendedahan mengenai isu-isu di dalam dan luar negara.
- 17.3 Wanita berhak dan bertanggungjawab memahami dan menangani isu-isu masyarakat tempatan dan antarabangsa.
- 17.4 Wanita berhak dan bertanggungjawab menjalin dan memelihara hubungan dengan jiran dan komuniti secara harmoni, terancang dan sistematik.
- 17.5 Wanita berhak dan bertanggungjawab melibatkan diri dalam organisasi dan pertubuhan.
- 17.6 Wanita berhak dan bertanggungjawab menyumbang dalam kerja sosial dan kemasyarakatan di dalam atau luar negara berdasarkan konsep amar makruf dan nahi mungkar.
- 17.7 Wanita mempunyai hak untuk mencari, menerima dan menyampaikan semua jenis maklumat dan idea melalui pelbagai saluran.

18. WANITA, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM

- 18.1 Wanita berhak hidup dalam alam sekitar yang lestari.
- 18.2 Wanita hendaklah peka dan bersedia menangani kesan perubahan iklim termasuk bencana alam.
- 18.3 Wanita bertanggungjawab untuk menjaga kebersihan, memelihara dan memulihara kelestarian alam sekitar serta membudayakannya dalam keluarga.
- 18.4 Wanita bertanggungjawab mengambil langkah-langkah untuk mengelakkan diri dan keluarga daripada mencemarkan alam sekitar.
- 18.5 Pihak berkuasa perlu memberi kefahaman dan pendidikan kepada wanita mengenai pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar serta perubahan iklim.
- 18.6 Pihak berkuasa perlu memberi pendidikan pengurusan bencana dan kemahiran ikhtiar hidup kepada wanita dalam menghadapi bencana alam dan perubahan iklim.

19. WANITA DAN POTENSI DIRI

- 19.1 Wanita berhak dan bertanggungjawab mengenal pasti potensi diri, minat dan bakat untuk dikembangkan.
- 19.2 Wanita berhak dan bertanggungjawab memanfaatkan semua peluang yang ada bagi membangun dan mengembangkan potensi diri ke tahap optimum.
- 19.3 Pihak berkuasa dan wali perlu menyediakan bajet, masa dan ruang yang sesuai untuk membolehkan wanita mengembangkan potensi diri.
- 19.4 Pihak berkuasa bertanggungjawab menginovasi serta mengembangkan bidang ilmu, kemahiran serta kepakaran yang sesuai dengan potensi dan kemampuan wanita.

- 19.5 Semua pihak perlu memberi galakan, sokongan dan pengiktirafan sewajarnya menurut keperluan dalam semua lapangan yang disertai oleh wanita dan menyediakan platform serta peluang yang sesuai untuk mereka mengembangkannya.

20. WANITA, KOMUNIKASI DAN TEKNOLOGI SEMASA

- 20.1 Wanita berhak dan bertanggungjawab untuk mendapat kesedaran, ilmu, kemahiran dan maklumat yang betul untuk menguasai teknologi semasa dan komunikasi secara beretika dan beramanah.
- 20.2 Wanita berhak dan bertanggungjawab menguasai dan memanfaatkan teknologi semasa dan komunikasi untuk pembangunan diri, keluarga dan masyarakat.
- 20.3 Wanita bertanggungjawab dan berhak mendidik keluarga dan masyarakat mengenai penggunaan teknologi semasa dan komunikasi yang berkesan.
- 20.4 Wanita perlu memahami impak penggunaan teknologi dan komunikasi serta menjadi benteng pertahanan keluarga dalam menghadapi perubahan semasa.

21. WANITA DAN PEMILIKAN ASET

- 21.1 Wanita berhak memiliki, menerima, memberi dan mewarisi aset serta bertanggungjawab menunaikan semua kewajipan berkaitan dengannya.
- 21.2 Wanita berhak memiliki dan menuntut harta sepencarian dalam perkahwinan atau apabila berlaku penceraian, kematian dan poligami.
- 21.3 Wanita berhak mengurus dan menjana aset yang dimiliki secara mutlak tanpa tekanan mana-mana pihak.

- 21.4 Bapa atau suami atau wali bertanggungjawab memenuhi keperluan hidup dan nafkah yang munasabah bagi wanita itu berasaskan kemampuan mereka.

22. WANITA, EKONOMI DAN PEKERJAAN

- 22.1 Wanita boleh melibatkan diri dalam pelbagai kegiatan ekonomi dan bidang pekerjaan.
- 22.2 Wanita bertanggungjawab menceburkan diri dalam pekerjaan yang memerlukan penglibatan khusus mereka.
- 22.3 Wanita berhak mendapat peluang yang adil dari segi perjawatan dan kemudahan.
- 22.4 Pihak berkuasa bertanggungjawab memberi galakan dan memastikan persekitaran dan kemudahan di tempat kerja adalah mesra wanita.
- 22.5 Kerajaan bertanggungjawab memberi galakan kepada pelbagai sektor untuk membolehkan wanita bekerja dalam waktu yang fleksibel.
- 22.6 Wanita dan walinya bertanggungjawab memastikan mereka tidak terlibat dalam pekerjaan yang menjejaskan atau membahayakan kesihatan.
- 22.7 Pihak berkuasa dan keluarga bertanggungjawab memberi galakan, sokongan dan pengiktirafan kepada wanita yang ingin melibatkan diri dalam bidang *STEM*.

BAHAGIAN KEEMPAT: PENGLIBATAN WANITA DALAM MASYARAKAT

1. GARIS PANDUAN PENGLIBATAN WANITA DALAM MASYARAKAT

Penglibatan wanita dalam masyarakat hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

i) Menghormati Fitrah Kejadian Wanita.

Kegiatan dan pekerjaan yang melibatkan wanita hendaklah disesuaikan dengan fitrah wanita.

ii) Memelihara Kehormatan.

Wanita wajib menjaga kehormatan diri dengan menutup aurat, menjaga pertuturan dan pergaulan serta tidak mendedahkan diri kepada fitnah dan bahaya.

iii) Penglibatan, Kegiatan dan Pekerjaan.

Penglibatan wanita dalam kegiatan dan pekerjaan perlu mematuhi undang-undang dan syariat dalam usaha untuk memenuhi keperluan hidup, menunaikan tanggungjawab sosial atau memberi sumbangan kepada ummah.

v) Tidak Mengabaikan Tanggungjawab Kepada Keluarga.

Penglibatan wanita dalam masyarakat dan pekerjaan tidak seharusnya mengabaikan kewajipan dan tanggungjawab wanita terhadap keluarga termasuk urusan rumah tangga.

vi) Mendapat Keizinan Suami atau Wali.

Bagi orang Islam, keizinan suami atau wali bertujuan untuk menjaga dan melindungi, bukan mengongkong atau menguasai secara mutlak.

BAHAGIAN KELIMA: HAL-HAL LAIN

2. PELAKSANAAN

- 2.1 Dasar Wanita Solehah Kelantan dilaksanakan secara berfasa mengikut pelan tindakan.
- 2.2 Kerajaan Negeri, dengan sokongan komuniti, pelbagai agensi dan NGO, bertanggungjawab merancang, menentukan dan menyusun keutamaan dan keperluan negeri dan ummah dalam membangunkan dan membina pelan tindakan.
- 2.3 Dasar Wanita Solehah Kelantan hendaklah dilaksanakan mengikut skop-skop berikut:
 1. Agama
 2. Keluarga
 3. Keperluan Asasi dan Infrastruktur
 4. Keselamatan
 5. Kesihatan
 6. Hak dan Undang-undang
 7. Sistem Sokongan
 8. Pendidikan
 9. Politik dan Kepimpinan
 10. Kesukarelawanan
 11. Masyarakat
 12. Golongan Rentan dan Minoriti
 13. Jaringan

14. Alam Sekitar dan Perubahan Iklim
15. Kemahiran
16. Sukan dan Rekreasi
17. Kesenian dan Kebudayaan
18. ICT (Teknologi Maklumat dan Komunikasi)
19. Ekonomi dan Kewangan
20. Aset dan Harta
21. Pekerjaan

3. PINDAAN

Sebarang pindaan yang dibuat ke atas teks Dasar Wanita Solehah Kelantan perlulah dipersetujui di peringkat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kelantan.

4. PENUTUP

Islam menaikkan martabat dan darjat wanita ke tahap yang paling mulia. Penghormatan tersebut akan dicapai apabila kemuliaan yang dijamin untuk wanita dipelihara dan dikembangkan menurut nilai-nilai dan neraca yang telah ditetapkan oleh Islam. Membangunkan wanita dan potensi mereka dalam pelbagai bidang kehidupan menurut keperluan ummah merupakan sebahagian daripada matlamat Islam. Oleh itu, kefahaman, kerjasama, sokongan dan dukungan oleh semua pihak dalam melaksanakan Dasar Wanita Solehah Kelantan adalah penting demi kesejahteraan masyarakat dan umum.

GLOSARI

“Adab” bermaksud budi pekerti yang halus, tingkah laku yang baik dan budi bahasa.

“Afiat” bermaksud sihat, segar cergas, bersih dan selamat daripada sebarang kesusahan, kesakitan dan penderitaan. Afiat juga meliputi segala keselamatan dan kesejahteraan zahir dan batin, urusan duniawi dan ukhrawi, perkara dunia dan agama, jasmani dan rohani, luaran dan dalaman.

“Akhlak” berasal daripada bahasa Arab, iaitu ‘akhlaq’ adalah sifat dan tabiat, baik atau buruk, yang tertanam dalam jiwa dan lahir secara spontan tanpa memerlukan pertimbangan.

“*Amar makruf nahi mungkar*” mengajak kepada kebaikan dan mencegah atau melarang daripada melakukan perkara yang mungkar (kejahatan).

“*Armalah*” merujuk kepada para janda yang kehilangan suami, sama ada kerana meninggal atau bercerai.

“Aset” ialah sesuatu barang yang memiliki nilai ekonomi, nilai komersial ataupun nilai tukar yang dimiliki oleh sesuatu perusahaan atau individu seperti wang tunai, tanah, bangunan dan lain-lain.

“Aurat” menurut pengertian dan pandangan syarak ialah bahagian-bahagian tertentu pada bahagian badan manusia yang wajib ditutupi daripada pandangan orang yang diharamkan melihatnya (bukan mahram).

“CEDAW” ialah akronim bagi *Convention on the Elimination of Discrimination against Women* atau Konvensyen Berkaitan Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita.

“Fardu Ain” bermaksud amalan atau perbuatan yang diwajibkan ke atas setiap individu muslim yang mukallaf yang mendapat pahala apabila dilakukannya dan mendapat dosa apabila ditinggalkan tanpa uzur syarii.

“Fardu Kifayah” bermaksud amalan atau perbuatan yang diwajibkan ke atas seluruh kaum muslimin secara kolektif untuk mengerjakannya. Apabila sebahagian daripada mereka melaksanakannya, maka sebahagian yang lain terlepas dari kewajiban tersebut. Jika tidak ada orang yang melaksanakannya, maka berdosa semua anggota masyarakat.

“Fitrah” adalah sifat asal kejadian manusia yang mengenal tuhan, menjaga kesucian jasmani dan rohani serta mencintai kebenaran.

“Fitrah wanita” adalah sifat asal kejadian wanita sama ada dari sudut ketuhanan, biologi, psikologi dan sebagainya.

“ICT” ialah kependekan bagi *Information and Communications Technology* (Teknologi Maklumat dan Komunikasi).

“Sistem Jaminan Sosial” adalah sistem perlindungan yang disediakan kepada individu untuk memastikan mereka hidup sejahtera. Dalam konteks dasar ini, Islam meletakkan sistem perwalian sebagai salah satu daripada sistem jaminan sosial, untuk memelihara wanita dan dalam masa yang sama, kerajaan memberi jaminan sosial dengan menyediakan pelbagai bantuan yang sesuai mengikut keadaan hidup seseorang itu.

“Kesihatan Sosial” bermaksud seseorang individu dapat berinteraksi dan berhubung dengan seseorang individu yang lain, seperti ahli keluarga, rakan, jiran dan komunitinya dalam suasana yang mesra.

“Khalifah” bermaksud setiap insan yang diamanahkan atau dipertanggungjawabkan oleh Allah untuk mengurus dan mentadbir dunia ini mengikut syariat Allah.

“Moral” ialah ukuran standard sesuatu perlakuan sama ada betul atau salah, baik atau buruk dan boleh diterima atau tidak boleh diterima.

“Nafkah” ialah apa yang dikeluarkan atau diberikan oleh suami atau wali untuk keperluan tanggungannya meliputi makanan dan pakaian yang mencukupi serta tempat tinggal yang sesuai, penyediaan keperluan dan sebagainya. Ia merangkumi nafkah sama ada secara zahir atau batin.

“NGO” ialah akronim bagi *non-governmental organization* atau pertubuhan bukan kerajaan.

“Pihak berkuasa” ialah mana-mana pihak yang mempunyai kuasa untuk merancang dan melaksanakan undang-undang dan bertanggungjawab mentadbir dan mengurus termasuklah majikan, pihak berkuasa tempatan, kerajaan negeri, kerajaan persekutuan dan badan-badan berkanun.

“Rentan” merujuk kepada *United Nation Electronic Government Development Index Survey* (UNEG-DI). Golongan rentan atau *vulnerable groups* terdiri daripada Wanita, Warga Emas, Orang Kelainan Upaya (OKU), Orang Miskin, Belia, Pelarian atau Imigran.

“STEM” adalah ringkasan kepada *science, technology, engineering, mathematics* (sains, teknologi, kejuruteraan, matematik).

“Hukum Syarak” didefinisikan sebagai hukum Allah yang bersandarkan sumber yang disepakati oleh para ulama, iaitu Al-Quran, Sunnah, Ijmak dan Qias.

“Syariah” atau “Syariat” merujuk kepada hukum-hukum atau peraturan atau pedoman yang ditentukan oleh Allah SWT yang wajib dipatuhi bagi mencapai kebahagiaan hidup dan kemaslahatan umat. Hukum-hukum syarak ini dinamakan juga ad-Din kerana mesti dipatuhi dan dengannya manusia mengabdikan diri kepada Allah SWT.

“Wali” merupakan individu tertentu yang diberi kuasa oleh syarak untuk melaksanakan tanggungjawab perwalian terhadap orang yang berada di bawah jagaannya seperti kanak-kanak dan wanita. Wali berperanan sebagai individu yang menjaga maslahat dan keperluan orang di bawah jagaannya.

“Wanita” bermaksud individu yang dilahirkan secara fitrahnya sebagai perempuan dari aspek biologi. Wanita dalam dasar ini termasuklah wanita muda atau belia wanita.

PEMETAAN DASAR WANITA SOLEHAH KELANTAN

Bil	Prinsip Utama (Peranan)	Hak dan Tanggungjawab	Skop Pelaksanaan
1.	Wanita berperanan dalam melaksanakan kehidupan beragama.	Wanita dan Agama	Agama
2.	Wanita adalah pasangan fitrah kepada lelaki yang saling berkasih sayang dan berbelas kasihan dalam pembinaan keluarga.	Wanita dan Keluarga	Keluarga
3.	Wanita adalah ibu yang melahirkan zuriat sebagai penerus keturunan.	Wanita dan Kelangsungan Hidup	- Keperluan Asasi dan Infrastruktur - Keselamatan - Kesihatan - Hak dan Undang-Undang
		- Wanita dan Kesihatan - Wanita dan Undang-Undang - Wanita dan Sistem Jaminan Sosial	Sistem Sokongan

4.	Wanita perlu mempunyai wawasan dalam membentuk diri, keluarga, masyarakat dan ummah.	• Wanita dan Pendidikan	• Pendidikan
5.	Wanita perlu terlibat dalam organisasi dan kepimpinan berteraskan konsep syura.	• Wanita dan Kepimpinan	• Politik dan Kepimpinan
6.	Wanita bertanggungjawab untuk melaksanakan perkara makruf dan mencegah kemungkaran melalui kecaknaan sosial dan komuniti.	• Wanita, Masyarakat dan Ummah • Wanita, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim	• Kesukarelawan • Masyarakat • Golongan Rentan dan Minoriti • Jaringan • Alam Sekitar dan Perubahan Iklim
7.	Wanita bertanggungjawab melibatkan diri dalam politik untuk memelihara kepentingan ummah.		
8.	Wanita berperanan dalam mengembangkan ilmu pengetahuan, kemahiran, sains, matematik, kejuruteraan dan teknologi.	• Wanita dan Potensi Diri • Wanita, Komunikasi dan Teknologi Semasa	• Kemahiran • Sukan dan Rekreasi • Kesenian dan Kebudayaan • ICT (Teknologi Maklumat dan Komunikasi)

9.	Wanita berperanan dalam pelbagai bidang kehidupan, ekonomi dan produktiviti masyarakat.	• Wanita dan Pemilikan Aset Wanita, Ekonomi dan Pekerjaan	• Ekonomi dan Kewangan • Aset dan Harta Pekerjaan
10.	Dalam keadaan yang memerlukan, wanita perlu mencari nafkah selaras dengan hukum syarak		

KRONOLOGI

Hasil keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Pembangunan Wanita, Keluarga, Kebajikan dan Kesejahteraan Rakyat Bil 1/2013 memutuskan untuk menyemak semula Dasar Wanita Kelantan. Semakan Dasar Wanita Solehah Kelantan telah melalui beberapa siri mesyuarat dan perbincangan bersama pakar-pakar akademik serta kumpulan profesional. Kerajaan Negeri Kelantan melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri telah meluluskan Dasar Wanita Kelantan 2020 (Semakan) pada 29 Disember 2021.

Bil	Perkara	Tempat	Tarikh
1.	Mesyuarat Induk	Bilik Gerakan Negeri	17 Julai 2013
2.	Mesyuarat Teknikal	Bilik Mesyuarat UPWK	1 September 2015
3.	Mesyuarat Teknikal	Bilik Mesyuarat UPWK	25 Januari 2017
4.	Mesyuarat Sidang Pakar	Bilik Gerakan SUK	22 Jun 2017
5.	Mesyuarat Kumpulan Penyelidik	Bilik Mesyuarat UPWK	21 Februari 2018
6.	Mesyuarat Sumbang Saran Bersama Wakil Kaum Wanita (Cina, India dan Siam)	Kediaman Rasmi Menteri Besar (JKR10)	23 September 2018
7.	Mesyuarat Kumpulan Penyelidik	Bilik Mesyuarat UPWK	30 Disember 2018

8.	Mesyuarat Teknikal	Bilik Mesyuarat U-Kekwa	31 Disember 2018
9.	Parlimen (MPWP) negeri Kelantan		
10.	Mesyuarat Kumpulan Penyelidik	Bilik Mesyuarat U-Kekwa	12 Mac 2019
11.	Mesyuarat Kumpulan Penyelidik	Bilik Mesyuarat U-Kekwa	26 Mac 2019
12.	Mesyuarat Jawatankuasa Induk	Bilik Mesyuarat Utama, MABNA, SUK	27 Mac 2019
13.	Mesyuarat Kumpulan Penyelidik	Bilik Mesyuarat U-Kekwa	12 Mei 2019
14.	Kunjung Hormat	Jabatan Perangkaan Negeri Kelantan	13 Mei 2019
15.	Bengkel Gagasan Wanita Kelantan	Wisma UNIKEB,UKM	15 Mei 2019
16.	Pembentangan Draf DWSK Dan Rumah Gagasan Wanita	Bilik Mesyuarat U-Kekwa	16 Mei 2019
17.	Mesyuarat KPI Gagasan Wanita	Bilik Mesyuarat U-Kekwa	22 Mei 2019
18.	Mesyuarat Kumpulan Penyelidik	Bilik Mesyuarat U-Kekwa	30 Mei 2019
19.	Mesyuarat Kumpulan Penyelidik	Bilik Mesyuarat U-Kekwa	31 Mei 2019

20.	Mesyuarat Teknikal	Bilik Mesyuarat Utama, MABNA, SUK	11 Jun 2019
21.	Bengkel & Mesyuarat KPI Gagasan Wanita Kelantan	Bilik Mesyuarat Utama, Aras 3, Blok 2 SUK	17 Julai 2019
22.	Mesyuarat Teknikal	Bilik Mesyuarat Utama, MABNA, SUK	18 Julai 2019
23.	Mesyuarat Kumpulan Penyelidik	Bilik Mesyuarat U-Kekwa	29 Ogos 2019
24.	Mesyuarat Teknikal	Bilik Mesyuarat Utama, MABNA, SUK	19 September 2019
25.	Mesyuarat Teknikal	Bilik Mesyuarat Utama, MABNA, SUK	7 Oktober 2019
26.	Mesyuarat Jawatankuasa Induk	Bilik Mesyuarat Utama, MABNA, SUK	15 Disember 2019
27.	Mesyuarat Teknikal	Royal Guest House	2 Oktober 2020
28.	Mesyuarat Kumpulan Penyelidik	Online Zoom	20 & 21 November 2020
29.	Mesyuarat Kumpulan Penyelidik	Online Zoom	28 November 2020
30.	Kelulusan Dasar Wanita Kelantan 2020 (Semakan) melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMK)	Bilik Gerakan, MABNA	29 Disember 2021

31.	Mesyuarat Pindaan Dasar Wanita Kelantan 2020 (Semakan) bersama Kumpulan Penyelidik	Bilik Mesyuarat, Aras 7, MABNA SUK	3 Ogos 2022
32.	Kelulusan Pindaan Dasar Wanita Kelantan 2020 (Semakan) melalui MMK	Bilik Gerakan, MABNA	5 Oktober 2022
33.	Pembentangan nama baru Dasar Wanita Kelantan 2020 (Semakan) di Mesyuarat Jawatankuasa KeKWa	Bilik Gerakan Negeri, Kompleks Kora Darulnaim	17 Oktober 2022
34.	Kelulusan nama Dasar Wanita Solehah Kelantan melalui MMK	Bilik Gerakan MABNA	19 Oktober 2022

Rujukan

Garis Panduan Dasar Wanita Negeri Kelantan Jawatankuasa Induk Dasar Wanita Negeri Kelantan, 4 November 2001

PENGGUBAL INDUK (PAKAR)

- 1. YB Dato' Hjh. Siti Zailah Mohd Yusoff**
Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
- 2. YB Dato' Hjh. Mumtaz Md Nawi**
Pengerusi
Jawatankuasa Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita Kerajaan Negeri Kelantan
- 3. YB Rohani Ibrahim**
Timbalan Pengerusi
Jawatankuasa Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita Kerajaan Negeri Kelantan
- 4. YB Dato' Haji Che Abdullah Mat Nawi**
Ahli Parlimen (Tumpat)
- 5. YB Dato' Ustaz Hassan Mohamood**
Ahli Dewan Undangan Negeri (Tawang)
- 6. YB Senator Dr. Wan Martina Wan Yusoff**
Ahli Dewan Negara
- 7. YB Senator Hjh. Nuridah Mohd Salleh**
Ahli Dewan Negara
- 8. YM. Dato' Dr. Tengku Mohamed Faziharudean Tengku Feissal (Tengku Kaya Perkasa)**
Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan)
Kerajaan Negeri Kelantan
- 9. YBrs. Puan Ilvira Mohd Dasuki**
Pengarah
Urus Setia Kebajikan, Pembangunan Keluarga & Wanita Kerajaan Negeri Kelantan (U-KeKWa)

- 10. YABrs. Dato' Dr. Johari Mat**
Pengarah
Institut Pemikiran Tok Guru
- 11. YABrs. Dr. Wan Nik Wan Yussof**
Pengarah
Pusat Kajian Strategik Negeri Kelantan
- 12. YBhg. Dr. Nurhafilah Musa**
Pegawai Tugas-Tugas Khas
Pejabat Menteri di Jabatan Perdana Menteri
(Hal Ehwal Agama)
- 13. YBrs. Encik Mohammad Faizal Che Yusof**
Pegawai Khas Hal Ehwal OKU
Pejabat YB Timbalan Menteri Pembangunan Wanita,
Keluarga dan Masyarakat
- 14. YBrs. Puan Mas Rozita Mas Mohamad**
Timbalan Pengarah
Urus Setia Kebajikan, Pembangunan Keluarga & Wanita
Kerajaan Negeri Kelantan (U-KeKWa)
- 15. YBrs. Puan Ahlaami Dato' Abdul Halim**
Pengurus Pengurusan Sumber Manusia
Kumpulan Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan
- 16. YBrs. Puan Noor Lailawati Mamat**
Ketua Penolong Pengarah (Dakwah)
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan
- 17. YBrs. Puan Fatimah Mohd Noor**
Ketua Penolong Setiausaha (Pengurusan Korporat)
Kerajaan Negeri Kelantan
- 18. YBrs. Pn. Norhaiti Ibrahim**
Penolong Pengarah Kanan
Unit Multimedia dan Dokumentasi
Urus Setia Pembangunan Insan, Belia, Sukan Dan NGO
(U-BeS)

- 19. YBr. Hjh. Zainiah Halim**
Ahli Majlis
Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandar Raya Islam
(MPKB-BRI)
- 20. YBr. Prof .Dr. Nik Hazlina Nik Hussain**
Pakar Perunding Obstetrik dan Ginekologi
Universiti Sains Malaysia (USM)
- 21. YBr. Prof. Madya Dr. Shukeri Mohamad**
Pensyarah
Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (UM)
- 22. YBr. Ustaz Dato' Dr. Abdul Basit Abdul Rahman**
Pensyarah
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra
(KIAS)
- 23. YBr. Prof. Madya Dr. Rosediani Muhamad**
Pensyarah Jabatan Perubatan Keluarga
Universiti Sains Malaysia (USM)
- 24. YBhg. Dr. Najah Nadiyah Amran**
Pengerusi Pusat Kajian Al-Quran dan As-Sunnah
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
- 25. YBr. Dr. Nurul Akma Mohamed @ Sheikh Mohd Amin**
Ketua Unit Penyelidikan dan Penerbitan
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra
(KIAS)
- 26. YBr. Dr. Nadzirah Muhammad**
Pensyarah
Kulliyah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)
- 27. YBr. Puan Khairiah Mohamed**
Ketua Penolong Pengarah (Perundangan II)
Bahagian Koordinasi & Program Khas
- 28. Puan Hjh. Wan Ubaidah Omar**
Pengerusi KOWANIS

- 29. YBrS. Ustazah Asmak Husin**
Panel Penggubal Semakan Dasar Wanita Kelantan
- 30. YBrS. Puan Mazidah Mohamad**
Panel Penggubal Semakan Dasar Wanita Kelantan
- 31. YBrS. Puan Wan Nor Ainon Wan Abdullah**
Panel Penggubal Semakan Dasar Wanita Kelantan
- 32. YBrS. Puan Sharifah Raudzah Syed Akil**
Setiausaha
Persatuan Rekreasi Cakna OKU
- 33. YBrS. Puan Nur Adyani Mohamed**
Penolong Pengarah Kanan
Unit Pembangunan Wanita (UPW)
U-KeKWa
- 34. YBrS Puan Bazilah Kamaruldin**
Penolong Pengarah Kanan
Unit Kemahiran Wanita (UKW)
U-KeKWa
- 35. YBrS. Puan Siti Nurhajartum Akmal Mohamad**
Penolong Pengarah Kanan
Unit Pembangunan Keluarga (UPK)
U-KeKWa
- 36. YBrS. Puan Tuan Azura Raja Ismail**
Penolong Pengarah
U-KeKWa
- 37. YBrS. Puan Nik Safilah Mat Daud**
Penolong Pengarah
U-KeKWa
- 38. YBrS. Hjh. Nor Hashimah Deraman**
(meninggal dunia pada Mac 2020)
Pegawai Penerangan
Urus Setia Penerangan Kerajaan Negeri Kelantan (UPKN)



KUMPULAN PENYELIDIK

Ketua: Dr. Nurhafilah Musa

Ahli: Ustazah Asmak Husin

Dr. Nurul Akma Mohamed

Dr. Najah Nadiah Amran

Puan Mazidah Muhammad

Puan Wan Nor Ainon Wan Abdullah

Puan Nasywa Muhammad Ariff

- * Dasar ini telah disemak dari segi bahasa oleh Profesor Emeritus Datuk Dr. Nik Safiah Karim.

URUSETIA

- 1. Puan Nur Adyani Mohamed**
Penolong Pengarah Kanan
U-KeKWa
- 2. Puan Norsham Shamsuddin**
Penolong Pengarah
U-KeKWa
- 3. Puan Nik Nurasma Zulykha Nik Hassan**
Penolong Pegawai
U-KeKWa
- 4. Puan Nur Sabrina Shaari**
Penolong Pegawai
U-KeKWa
- 5. Puan Samiah Abdullah**
U-KeKWa



AUTOGRAF



URUS SETIA KEBAJIKAN, PEMBANGUNAN KELUARGA DAN WANITA KERAJAAN NEGERI KELANTAN

Tel: 09-748 1957@09-747 6568 Faks: 09-747 6530

ukekwa@kelantan.gov.my [f ukekwa](https://www.facebook.com/ukekwa) [u_kekwa](https://www.instagram.com/u_kekwa) [wanitakelantan.com](https://www.wanitakelantan.com)

TALIAN HOTLINE

Kebajikan/ Bencana 019-988 2999
Kaunseling 013-983 5912
Kelas Jahitan & Sulaman 013-984 5917
Daftar Sukarelawan 013-984 6913
Majlis Perundingan Wanita 011-3310 2454
Taska Keluarga Mawaddah 013-983 6915